

# Piagam Pelanggan

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Kami warga Universiti Putra Malaysia, dengan penuh tekad berikrar untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cekap untuk memenuhi keperluan pelanggan:

## Pengajian Siswazah

- 1 Mengeluarkan keputusan **permohonan kemasukan** selewat-lewatnya dua (2) bulan selepas permohonan lengkap diterima oleh SPS.
- 2 Memaklumkan keputusan **permohonan pelantikan ahli Jawatankuasa Penyeliaan** selewat-lewatnya dua (2) bulan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
- 3 Memaklumkan keputusan **permohonan penangguhan pengajian** dalam tempoh 14 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.
- 4 Memaklumkan keputusan **permohonan lanjutan tempoh pengajian** dalam tempoh 14 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.
- 5 Memaklumkan keputusan **permohonan pertukaran program/bidang pengajian** dalam tempoh dua (2) bulan selepas permohonan lengkap diterima.
- 6 Memaklumkan keputusan **permohonan naik taraf pengajian ke program PhD** selewat-lewatnya tiga (3) bulan selepas permohonan lengkap diterima.
- 7 Memaklumkan keputusan **permohonan bantuan siswazah (GRF/GRA)** selewat-lewatnya tiga (3) bulan selepas tarikh tutup permohonan.
- 8 Memaklumkan keputusan **peperiksaan semester** kepada pelajar dalam tempoh enam (6) minggu selepas hari terakhir minggu peperiksaan.
- 9 Memastikan pelajar menduduki **viva voce** dalam tempoh tiga (3) bulan selepas penyerahan tesis kepada Sekolah Pengajian Siswazah untuk peperiksaan.
- 10 Memaklumkan keputusan **permohonan semakan pemberhentian** dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas keputusan Senat.
- 11 Memaklumkan keputusan **pengurniaan ijazah** kepada pelajar dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas pengesahan Senat.



Disahkan Oleh: **TIMBALAN NAIB CANSELOR**  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Putra Malaysia

27 Julai 2012